

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 2, Halaman 56-66

Sanad Surah Al-Fātiḥah: Amalan Pengijazahannya Di Malaysia

Sanad for Surah al-Fatihah: The Practice of its Ijazah in Malaysia

Mohamad Redha Mohamad^{1*}, Norazman Alias² & Muhammad Firdaus Abdul Manaf³ & Muhammad Zaid Shamsul Kamar¹

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

² Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

* Corresponding Author: Mohamad Redha Mohamad. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, mohamadredha@kuis.edu.my, 019-3993708, ORCID iD: 0000-0002-1760-3700.

ABSTRACT

The mainstream Islamic community in Malaysia has already began to be exposed by the practice of sanad talaqqī in the context of quranic studies. Nowadays, many people struggled to obtain the Quranic sanad talaqqī. This system is a tradition that has been emphasized by the qurrā' and began to spread in Malaysia. It is widely known that the Quran has been inherited to and by every generation through reading method known as talaqqī mushāfahah. Among the sanad that are spread in Malaysia are the sanad talaqqī 30 juzu' and the sanad talaqqī al-Fātiḥah. However, society are still less known and understood about the concept of Quranic sanad talaqqī. Therefore, research needs to be done to introduce to the society the practice of the inheritance of Quranic sanad talaqqī in Malaysia. This study will focus on the graduation practice of sanad talaqqī al-Fātiḥah. Data of the study were collected through library documents and sanad talaqqī al-Fātiḥah certificates, while the data analysis method was descriptive. Findings show that there is activity in the graduation of sanad talaqqī al-Fātiḥah in Malaysia but it is not yet widespread. The criteria found on the sanad certificates were also analyzed as a research finding. The implications of this study are important to guide the society in order to build a proper perception towards the graduation of sanad talaqqī al-Fātiḥah. The society needs to be introduced to the practice of Quranic sanad talaqqī in order to produce many individuals who are able to read the Quran fluently and eloquently.

Keywords

Sanad; al-Fātiḥah; Talaqqī; Mushāfahah; Qurrā'

ABSTRAK

Masyarakat Islam arus perdana di Malaysia mulai didedahkan dengan amali periwayatan sanad *talaqqī* dalam konteks pengajian al-Quran. Kini, banyak pihak berlumba-lumba untuk mendapatkan sanad *talaqqī* al-Quran. Sistem ini merupakan tradisi yang dititikberatkan oleh para *qurrā'* dan mulai tersebar di Malaysia. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi melalui kaedah bacaan iaitu *talaqqī* secara *mushāfahah*. Antara sanad yang disebarkan di Malaysia adalah sanad *talaqqī* 30 juzu' dan sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah. Namun, masyarakat masih kurang mengetahui dan belum memahami konsep sanad *talaqqī* al-Quran. Justeru, kajian perlu dilakukan untuk memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan pengamalan pengijazahan sanad *talaqqī* al-Quran di Malaysia. Kajian ini akan memfokuskan terhadap pengamalan pengijazahan sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah. Data-data kajian dikumpul melalui dokumen kepustakaan dan sijil-sijil sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan terdapat aktiviti pengijazahan sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah di Malaysia tetapi masih belum meluas. Kriteria-kriteria yang terdapat pada sijil-sijil ijazah sanad juga dianalisis sebagai dapatan kajian. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk membimbing masyarakat membina kefahaman yang tepat terhadap pengijazahan sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah. Masyarakat awam perlu diperkenalkan kepada amalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad agar dalam melahirkan ramai individu yang mampu membaca al-Quran dengan lancar dan fasih.

Kata kunci

Sanad; al-Fātiḥah; Talaqqī; Mushāfahah; Qurrā'

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperoleh dan mendapatkan cara bacaan yang sah. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan daripada guru iaitu *talaqqī* secara *mushāfahah* (A'Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dari Jibril AS, para sahabat mengambil dari baginda, para tabiin mengambil dari sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi kita (Sa'ad, 2013). Pembelajaran al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada guru kepada murid telah membentuk jalur sanad yang bersambung.

Sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Dewasa ini, pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila aktiviti pengijazahan sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad al-Quran yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah dan sanad *talaqqī* al-Quran 30 juzu'. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan bermula tahun 2009 (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Antara hadis yang menunjukkan kepentingan bertalaqqī al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عن عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ آيَةً مِنَ الْقُرْآنِ فَقَالَ مَنْ أَرَادَ كَيْفَ؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَقْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى غَيْرِ هَذَا فَذَهَبَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَحَدُهُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ آيَةٌ كَذَا وَكَذَا ثُمَّ قَرَأَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَكَذَا أَنْزَلْتُ فَقَالَ الْآخَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَرَأَهَا عَلَى رَسُولِ



اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَيْسَ هَكَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هَكَذَا أَنْزَلْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَأَيُّ ذَلِكَ قَرَأْتُمْ فَقَدْ أَحْسَنْتُمْ وَلَا تَمَارَوْا فِيهِ فَإِنَّ الْمِرَاءَ فِيهِ كُفْرٌ أَوْ آيَةٌ الْكُفْرِ.

[Ahmad, no hadis 17821]

Maksudnya :

‘Daripada Amru bin al-‘As RA: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah SAW, dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah? Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab’ah ahurf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sah, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir’.

Berdasarkan hadis di atas, dua intipati utama yang boleh kita simpulkan adalah keprihatinan ulama terhadap sanad al-Quran dan sumber sanad al-Quran datangnya dari Rasulullah SAW (Sa’ad, 2013). Intipati yang pertama boleh dilihat melalui kata-kata sahabat iaitu (مَنْ أَقْرَأَكَهَا؟) yang menunjukkan sahabat bertanya dari siapa bacaan al-Quran tersebut diambil. Ini membuktikan para sahabat mengambil berat dan prihatin terhadap jalur sanad sesuatu bacaan. Setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya bagi memastikan kesahihannya. Intipati yang kedua pula boleh diambil dan diterjemahkan dari jawapan sahabat iaitu (رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang bermaksud mereka menerima bacaan al-Quran tersebut dari Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah sumber sanad bacaan al-Quran. Setiap bacaan yang sah pasti berasal dari baginda SAW. Kesemua ini juga merupakan bukti bahawa kemunculan ilmu sanad al-Quran telah pun bermula dari zaman Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil sanad bacaan al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada baginda. Kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* ini terus diamalkan pada setiap zaman oleh para *qurrā’* dan ahli-ahlinya sehingga ke masa kini (Redha, Mohamed Ramli & Alias, 2020).

2.0 DEFINISI SANAD *TALAQQĪ* AL-QURAN

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan *سَنَدٌ* yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qirā’āt*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri’* daripada *muqri’* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Said & Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qirā’āt* (al-Jazarī, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurrā’* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *ṭarīq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqī* التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar *لَقِيَ* iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqī* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqī* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu



murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqī* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, penulis bermaksud untuk mengkaji berkaitan jalur sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah yang tersebar di Malaysia.

3.0 SURAH AL-FĀTIḤAH DAN KELEBIHANNYA

Kajian ini memfokuskan amalan pengijazahan sanad surah al-Fātiḥah di Malaysia. Surah al-Fātiḥah dipilih sebagai subjek kajian kerana hanya surah ini yang diijazahkan secara tunggal. Di samping itu, surah al-Fātiḥah memiliki fadhilat dan kelebihan yang pelbagai. Ia merupakan surah yang paling kerap dibaca oleh umat Islam pada setiap hari kerana termasuk salah satu daripada rukun solat. Sabda Rasulullah SAW:

عن عبادة بن الصامت رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَفْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadis 756]

Maksudnya :

“Daripada ‘Ubādah bin al-Ṣamit RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Tiada solat bagi orang yang tidak membaca (surah) pembuka al-Kitāb (surah al-Fatihah).”

Selain itu, al-Fātiḥah juga merupakan surah yang paling agung. Sabda Baginda SAW:

عن أبي سعيد المَعْلَى رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لِأَعْلَمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ السُّورِ فِي الْقُرْآنِ: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ)، هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيْتَهُ.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadis 5006]

Maksudnya :

“Daripada Abu Saïd al-Mu’alla RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Sungguh aku akan mengajarimu sebuah surah yang paling agung dalam al-Quran, iaitu alḥamdulillahī rabbil ‘aalamin, dialah al-sab’u al-mathani, dan al-Quran yang agung yang diberikan kepadaku.”

Seterusnya, surah al-Fātiḥah juga memiliki kelebihan sebagai bacaan untuk ruqyah, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضِيفُوهُمْ. فَقَالُوا لَهُمْ هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْعٌ أَوْ مُصَابٌ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأُعْطِيَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ قَائِبِي أَنْ يَقْبَلَهَا. وَقَالَ حَتَّى أَدُكَّرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَأَتَى



النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ. فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ. فَتَبَسَّمَ وَقَالَ: وَمَا أَدْرَاكَ أَهَّأَ رَقِيَّةً. ثُمَّ قَالَ: حُذُوا مِنْهُمْ وَاضْرِبُوا لِي بِسَنَمِهِمْ مَعَكُمْ.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadis 5736]

Maksudnya :

“Dari Abu Sa’id Al Khudri, bahwa ada sekelompok sahabat Rasulullah SAW dahulu berada dalam perjalanan jauh, lalu melewati suatu kampung Arab. Kala itu, mereka meminta untuk dijamu, namun penduduk kampung tersebut enggan untuk menjamu. Penduduk kampung tersebut lantas berkata pada para sahabat yang hadir, “Apakah di antara kalian ada yang boleh meruqyah (melakukan perubatan dengan membaca ayat-ayat al-Quran) karena pembesar kampung tersebut tersengat binatang atau terserang demam.” Di antara para sahabat lantas berkata, “Ya ada.” Lalu ia pun mendatangi pembesar tersebut dan ia meruqyahnya dengan membaca surah al-Fatihah. Akhirnya, pembesar tersebut sembuh. Lalu yang membacakan ruqyah tadi diberikan seekor kambing, namun ia enggan menerimanya, dan disebutkan, ia mau menerima sampai kisah tadi diceritakan pada Nabi SAW. Lalu ia mendatangi Nabi SAW dan menceritakan kisahnya tadi pada baginda. Ia berkata, “Wahai Rasulullah, aku tidaklah meruqyah kecuali dengan membaca surat al-Fatihah.” Rasulullah SAW lantas tersenyum dan berkata, “Bagaimana engkau boleh tahu al-Fatihah adalah ruqyah (boleh digunakan untuk meruqyah)?” Baginda pun bersabda, “Ambil kambing tersebut dari mereka dan potongkan untukku sebahagiannya bersama kalian.”

Surah al-Fātiḥah merupakan salah satu daripada rukun solat yang perlu dilaksanakan. Ia amat dititikberatkan dari sudut penjagaan kesahihan bacaan terutamanya hukum tajwid asas seperti panjang pendek mad dan hukum nun mati. Disebabkan kewajipan membaca surah ini, ramai daripada kalangan penuntut yang mencari dan mempelajari bacaan al-Fātiḥah daripada guru yang memiliki sanad al-Quran. Oleh itu, artikel ini akan meneliti amalan pengijazahan sanad surah al-Fātiḥah di Malaysia serta jalur sanadnya.

4.0 IJAZAH SANAD SURAH AL-FĀTIḤAH

Terdapat beberapa sanad hadith *musalsal* yang berkaitan dengan surah-surah di dalam al-Quran iaitu surah al-Fātiḥah, surah al-Ṣaff, surah al-Kauthar, surah al-‘Aṣr, ayat al-Kursiyy dan *al-Sujūd fī al-Insyiqāq* (Azizul, 2020). Syeikh Tawfiq Ḍamrah (tokoh *qurrā’* Jordan) pernah mengijazahkan sanad-sanad surah tersebut semasa program Daurah 2 Kitab Bersanad pada 20 Oktober 2019 di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. Beliau telah menulis sebuah buku yang berjudul *Afḍal al-Hibāt Asānīd al-Musalsalāt* yang diterbitkan pada tahun 2017. Buku tersebut dihadiahkan kepada setiap peserta seminar sebagai bahan program. Berikut adalah jalur sanad *al-Musalsal bi sūrah al-Fātiḥah* yang telah diijazahkan:

سمعتها من شيخنا أحمد بن أبي بكر بن أحمد بن حسين العلوي الحبشي، عن الشيخ محمد عبد الباقي اللكنوي الأنصاري، قال: قرأتها على الشيخ أحمد بن إسماعيل البرزنجي، قال: قرأتها على والدي إسماعيل البرزنجي، قال: قرأتها على الشيخ صالح محمد الفلاني، قال: قرأتها على الشيخ محمد سعيد سفر، قال: قرأتها على الشيخ أبي الحسن السندي، قال: قرأتها على الشيخ عبد الله بن سليمان الجرهمي، قال: قرأتها على الشيخ علاء الدين المزجاجي، قال: قرأتها على الشيخ إبراهيم بن حسن الكوراني، قال: قرأتها على الشيخ أحمد القشاشي، قال: قرأتها على الشيخ أحمد الشناوي، قال: قرأتها على الشيخ عبد الرحمن بن فهد، قال: قرأتها على الشيخ جار الله بن فهد، قال: قرأتها على القاضي إبراهيم بن

Sharif Al-Maqdisi, قال: قرأتها على الشيخ تقي الدين بن أبي بكر محمد بن إسماعيل القلقشندي، عن عمته آمنة بنت إسماعيل القلقشندي عن خليل بن كيكلدي العلائي، عن أبي الفضل سليمان بن حمزة، عن جعفر بن علي المالكي، عن أبي طاهر السلفي، عن أبي علي الحسن بن أحمد الحداد، عن أبي سعيد إسماعيل بن علي السمان، عن عبد الوهاب بن جعفر الميداني، عن الحسن بن منير بن محمد بن منير، عن جعفر بن أحمد بن عاصم الرواس، عن محمد بن المصفي الحمصي، عن الأصبع بن سلام، عن عفير بن معدان، عن سليم بن عامر، عن أبي أمامة رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقرأ سورة الفاتحة.

فهد قال: قرأتها على الشيخ جابر الله بن فهد قال: قرأتها على القاضي إبراهيم بن هريث المقدسي قال: قرأتها على الشيخ تقي الدين بن أبي بكر محمد بن إسماعيل القلقشندي، عن عمته آمنة بنت إسماعيل القلقشندي عن خليل بن كيكلدي العلائي، عن أبي الفضل سليمان بن حمزة، عن جعفر بن علي المالكي، عن أبي طاهر السلفي، عن أبي علي الحسن بن أحمد الحداد، عن أبي سعيد إسماعيل بن علي السمان، عن عبد الوهاب بن جعفر الميداني، عن الحسن بن منير بن محمد بن منير، عن جعفر بن أحمد بن عاصم الرواس، عن محمد بن المصفي الحمصي، عن الأصبع بن سلام، عن عفير بن معدان، عن سليم بن عامر، عن أبي أمامة رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقرأ سورة الفاتحة.

الْمُسَلَّسُ بِأَيَّةِ الْكُرْسِيِّ

قرأتها على شيخنا الدكتور يحيى عبد الرزاق الغوثاني بالمسجد النبوي، قال: حدثني الشيخ محمد ياسين بن محمد عيسى القاداني، عن عمر حمدان الحورسي التونسي، عن محمد علي بن ظاهر الوكري، عن عبد الغني بن أبي سعيد الدهلوي، عن محمد عابد السندي، عن صالح محمد الفلاني، عن محمد

الأوزاعي، عن محمد بن عبد الله بن بسطام، عن روح بن عبد المؤمن الهذلي، عن يعقوب بن إسحاق الحضرمي، عن أبي المنذر سلام بن سليمان، عن عاصم بن أبي النجود بهدلة الكوفي، عن زبّين حبيلش الأسدي، عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه قال: قرأت على رسول الله صلى الله عليه وسلم قلت: أعوذ بالسمع العليم فقال: «يَا ابْنَ أُمَّ عَبْدُ قُلِّ: أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، هَكَذَا أَقْرَأْنِيهِ جَبْرِيلُ عليه السلام».

الْمُسَلَّسُ بِسُورَةِ الْفَاتِحَةِ

سمعتها من شيخنا أحمد بن أبي بكر بن أحمد بن حسين العلوي الحبشي، عن الشيخ محمد عبد الباقي اللكوي الأنصاري، قال: قرأتها على الشيخ أحمد بن إسماعيل البرزنجي، قال: قرأتها على والدي إسماعيل البرزنجي، قال: قرأتها على الشيخ صالح محمد الفلاني قال: قرأتها على الشيخ محمد سعيد سفر قال: قرأتها على الشيخ أبي الحسن السندي قال: قرأتها على الشيخ عبد الله بن سليمان الجرهمي قال: قرأتها على الشيخ علاء الدين الميرزا جاجي قال: قرأتها على الشيخ إبراهيم بن حسن الكوراني قال: قرأتها على الشيخ أحمد القشاشي قال: قرأتها على الشيخ أحمد الشناوي قال: قرأتها على الشيخ عبد الرحمن بن

Gambar 1: Jalur sanad surah al-Fātiḥah dari buku *Afḍal al-Hibāt Asānīd al-Musalsalāt*



Gambar 2: Ijazah buku *Afḍal al-Hibāt Asānīd al-Musalsalāt*

Selain itu, Seminar Tahsin Surah al-Fatihah bersama Syeikh Wā'il Ḥajjāj (*qurrā' Mesir*) pada 27 Ogos 2022 telah dijalankan di Mini Audi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Para peserta program diijazahkan dengan sanad surah al-Fātiḥah. Sijil yang diberikan kepada peserta berjudul *Shahādah bi Qirā'ah Sūrah al-Fātiḥah wa mā Tayassara min Juz al-Thalāthīn min al-Qur'ān al-Karīm*. Walau bagaimanapun, sijil yang diberikan semasa program berlangsung tidak melampirkan senarai jalur sanad. Urusetia program memberikan jalur sanad melalui sijil yang lain setelah selesai program. Jalur sanadnya adalah seperti berikut:

محمد صلى الله عليه وسلم - زيد بن ثابت / عثمان بن عفان / علي بن أبي طالب / عبد الله بن مسعود / أبي بن كعب - أبو عبد الرحمن عبد الله بن حبيب السلمي - عاصم بن أبي النجوم الأسدي - حفص بن سليمان - عبيد بن الصباح - أحمد بن سهل الأشناني - علي بن محمد الهاشمي - طاهر بن غلبون - أبو عمرو الداني - سليمان بن نجاج - علي بن هذيل - أبو القاسم الشاطبي - علي بن شجاع - محمد بن عبد الخالق الصائغ - عبد الرحمن بن معالي البغدادي - الإمام محمد بن محمد بن محمد الجزري - أحمد بن أسد الأسيوطي - محمد السمديسي - علي غانم المقدسي - عبد الرحمن شحادة اليماني - محمد بن قاسم البقري - أبو السماح أحمد البقري - عبد الرحمن بن حسن الأجهوري - السيد إبراهيم العبيدي - علي الحدادي الأزهري - عبد الله عبد العظيم الدسوقي - الفاضلي علي أبو ليلة - زكريا محمد علي الجماجموني - عبد الفتاح بن أبو حجاج المقالدي - حجاج بن يوسف بن حجاج (الشهير بالشيخ وائل) - محمد رضا بن محمد.



Gambar 3: Sijil Program Bersama Syeikh Wā'il Ḥajjāj

Di samping itu, Akademi al-Baghdadi turut menganjurkan bengkel Talaqqi al-Fatihah Bersanad (TAB) secara berkala (<https://www.akademialbaghdadi.my/blog/>). Akademi al-Baghdadi juga telah menerbitkan buku khas untuk bengkel ini yang berjudul **Surah al-Fatihah: Qiraat 10 Tariq As Syathibiah wad Durrah** pada tahun 2013. Peserta bengkel TAB akan dianugerahkan sijil Syahadah Bacaan Surah al-Fatihah. Buku ini juga melampirkan sijil Syahadah Bacaan Surah al-Fatihah yang diperolehi oleh Ustaz Jalaluddin Hassanuddin dari guru beliau Syeikh Ḥasan bin Muḥammad bin Ḥasan Rajab (tokoh *qurrā'* Mesir) pada tarikh 19 Februari 2013 dan sijil Syahadah Bacaan Surah al-Fatihah Ustaz Mohd Zarimi Abu Zih dari guru beliau Syeikh Riḍā 'Alī Darwīsh (tokoh *qurrā'* Mesir). Walau bagaimanapun, kedua-dua sijil syahadah ini tidak melampirkan senarai jalur sanad.

5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini, penulis berjaya mengumpulkan beberapa jalur sanad surah al-Fātihah yang berlegar di Malaysia. Dapatan analisis kajian diterjemahkan ke dalam jadual berikut:

Jadual 1. Analisis Jalur Sanad Surah Al-Fātihah

Aspek	Dapatan
Negara punca sanad	Mesir dan Jordan
Pemberi ijazah sanad	Syeikh Wā'il Ḥajjāj, Syeikh Tawfiq Ḍamrah, Syeikh Riḍā 'Alī Darwīsh dan Syeikh Ḥasan Rajab
Daerah tempat pengijazahan	Gombak, Putrajaya dan Batu Caves

Dua gambar di bawah merupakan sijil yang diperolehi oleh peserta-peserta semasa program pengijazahan sanad surah al-Fātihah berlangsung. Analisis dijalankan bagi melihat kriteria-kriteria yang terdapat dalam kedua-dua sijil ini:



Gambar 4: Analisis Kriteria Sijil 1

Jadual 2. Analisis Umum Sijil 1

Aspek	Analisis
Tajuk	Syeikh memulakan tekstual ijazah dengan <i>basmalah</i>
	Syeikh menulis tajuk ijazah dengan perkataan: <p style="text-align: center;">إجازة في كتاب (أفضل الهبات أسانيد المسلسلات)</p>
Nama penerima ijazah	Mohamad Redha bin Mohamad
Nama pemberi ijazah	Syeikh Tawfiq Ibrahim Damrah
Tarikh	20 Oktober 2019 / 21 Safar 1441H
Cop dan tandatangan	Syeikh menandatangani sijil ijazah berserta cop rasmi beliau



Gambar 5: Analisis Kriteria Sijil 2

Jadual 3. Analisis Umum Sijil 2

Aspek	Analisis
Tajuk	Syeikh memulakan tekstual ijazah dengan <i>basmalah</i> dan petikan hadis nabi Syeikh menulis tajuk ijazah dengan perkataan: شهادة بقراءة سورة الفاتحة وما تبسر من الجزء الثلاثين من القرآن الكريم
Nama penerima ijazah	Mohamad Redha bin Mohamad
Nama pemberi ijazah	Syeikh Hājāj bin Yūsuf bin Hājāj bin Muṣṭafā bin Muḥammad (Syeikh Wā'il)
Tarikh	27 Ogos 2022 / Sabtu
Cop dan tandatangan	Syeikh menandatangani sijil ijazah berserta cop rasmi beliau

Gambar 4 dan gambar 5 menunjukkan beberapa kriteria utama yang terdapat dalam sijil program seperti nama penerima ijazah, nama pemberi ijazah, tarikh dan hari ijazah diberikan, serta cop dan tandatangan syeikh. Semua butiran ini penting bagi membuktikan seseorang individu telah menerima ijazah sanad daripada guru beliau. Selain itu, sijil-sijil juga turut disertakan dengan *basmalah*, hadis, kalam ulama, nasihat dan pengakuan guru terhadap penerima ijazah sanad. Pemberian sijil adalah bukti dalam bentuk dokumen supaya tidak timbul sebarang dakwaan atau pun keraguan di masa hadapan.

6.0 KESIMPULAN

Ijazah sanad al-Quran merupakan pengiktirafan tertinggi bagi bacaan al-Quran seseorang. Hal ini kerana proses yang perlu dilalui bagi memperolehi sanad al-Quran bukanlah sesuatu yang mudah dan cepat. Selain ijazah sanad al-Quran 30 juzu', amalan ijazah sanad surah al-Fātiḥah juga ada dijalankan di Malaysia. Al-Fātiḥah merupakan surah yang penting untuk ditambah baik bacaannya kerana ia merupakan bacaan rukun dalam solat. Antara program ijazah sanad surah al-Fātiḥah yang berlangsung adalah Daurah 2 Kitab Bersanad pada tahun 2019 dan Seminar Tahsin Surah al-Fatihah pada 2022. Dapatan menunjukkan terdapat aktiviti pengijazahan sanad surah al-Fātiḥah di Malaysia tetapi masih belum meluas. Selain itu, penulis juga menganalisis kriteria-kriteria yang terdapat pada sijil ijazah sanad tersebut. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk membimbing masyarakat membina kefahaman



yang tepat terhadap pengijazahan sanad surah al-Fātiḥah. Masyarakat awam perlu diperkenalkan kepada amalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad agar dalam melahirkan ramai individu yang mampu membaca al-Quran dengan lancar dan fasih.

RUJUKAN

- Ahmad. Taḥqīq Shu‘aib al-Arnaūṭ & ‘Ādil. (1995). *Musnad*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafṣ ‘An ‘Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa* (pp. 169-184). FPQS, USIM.
- A’Tarahim, M., Hisham, A., & Shaifulbahri, M., (2009). Perkembangan Awal Ilmu Qiraat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 2, 69-79.
- Azizul. (2020). Argumentation among Qurra’ Based on Sanad of al-Quran. 10(12). *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. https://hrmars.com/papers_submitted/8220/argumentation-among-qurra-based-on-sanad-of-al-quran.pdf
- Fadzil, A. (2018). *The Amazing Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaḥerah: Dār al-Risālah al-‘Alamiyyah.
- al-Jazarī, I. (2002). *Ṭayyiba al-Nashr fī Qirā’āt al-‘Ashr*. Kaḥerah: Maktabat al-Sunna.
- Laman sesawang Akademi Al Baghdadi. <https://www.akademialbaghdadi.my/blog/>.
- al-Majidī. (2000). *Talaqqī al-Nabī SAW Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Redha, M., Mohamed Ramli, F. Z. & Alias, N. (2020). Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi al-Quran. *Jurnal al-Turath*. 5(1). <http://journalarticle.ukm.my/15206/1/108-221-1-SM.pdf>
- Sa’ad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā’āt wa Manhaj al-Qurra’ fī Dirāsatiḥā*. Riyadh: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*. 1(1). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād ‘inda ‘Ulamā’ al-Qirā’āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi‘a al-Islamiyya.
- Tawfiq Ḍamrah. (2017). *Aḍḍal al-Hibāt Asānīd al-Musalsalāt*. AQ Learning Centre.
- Zaidar, F. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). *Kamus Pelajar*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Zarqanī. (2001). *Manāḥil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Kaḥerah: Dār al-Hadīth.